

SURAH HUD



Surah: 11 Juzuk: 11-12 Bil. Ayat: 123

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Alif, Laam, Raa. (Inilah) sebuah al- Quran yang tersusun rapi ayat-ayatnya, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu persatu⁽¹⁾ yang diturunkan dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mendalam pengetahuanNya.
2. Agar kamu tidak menyembah selain Allah. (Katakanlah wahai Muhammad): «Sesungguhnya aku diutuskan oleh Allah kepada kamu sebagai pemberi peringatan dan pembawa berita gembira».
3. Dan hendaklah kamu beristighfar kepada Tuhan kamu (daripada perbuatan syirik), kemudian hendaklah kamu bertaubat kepadaNya, agar Dia memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang tertentu. Manakala (di akhirat pula) Dia akan memberikan setiap orang yang mempunyai kelebihan (dalam melakukan amal yang soleh) pahala kelebihannya itu. Jika kamu berpaling, maka sesungguhnya aku bimbang kamu

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الرَّكَابِ أَكْرَمَتْ آيَاتُهُ وَتُرْفِصَتْ مِنْ لَدُنْ
حَكِيمٍ خَيْرٍ ①

أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ إِنِّي لَكُمْ مِنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ ②

وَأَنْ أَسْتَغْفِرُكَ وَأُوبَأُ إِلَيْهِ يَمَتِّعَكُمْ مَتَاعًا
حَسَنًا إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِي كُلَّ ذِي فَضْلٍ
فَضْلَهُ ③ وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ
يَوْمٍ كَبِيرٍ ④

1 Tentang tauhid, hukum, kisah, akhlak, ilmu pengetahuan, janji peringatan dan lain-lain.

akan mendapat azab pada hari kiamat yang besar.

4. Kepada Allah jualah kamu kembali dan Dia Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.
5. Ketahuilah! Sesungguhnya mereka yang ingkar itu memalingkan dada mereka untuk menyembunyikan diri⁽¹⁾ daripada Allah. Ketahuilah! Walaupun mereka berselubung dengan pakaian mereka sekali pun, Allah mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka zahirkan. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala isi hati.
6. Dan tidak ada sesuatu pun daripada binatang yang melata⁽²⁾ di bumi kecuali Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat tinggalnya serta tempat penyimpanannya⁽³⁾. Semuanya itu tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz⁽⁴⁾) yang nyata.
7. Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam tempoh enam hari ketika ArasyNya⁽⁵⁾ berada di atas air (Dia menjadikan semuanya itu) untuk menguji

إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤﴾

أَلَا إِنَّهُمْ يَنْتُونُ صُدُورَهُمْ لِيَسْتَخْفُوا مِنْهُ
الْأَحِينِ يَسْتَعْشُونَ بِنِجَابِهِمْ يُعَاجِلُونَ
مَا يُعْلِنُونَ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿٥﴾

﴿ وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ
رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا
كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٦﴾

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي
سِتَّةِ أَيَّامٍ وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ

1 Menyembunyikan perasaan permusuhan dan kemunafikan mereka terhadap nabi Muhammad s.a.w..

2 Semua makhluk Allah yang bernyawa.

3 Menurut sebahagian ahli tafsir, tempat tinggalnya di sini ialah dunia dan tempat penyimpanan ialah akhirat dan menurut sebahagian ahli tafsir yang lain, tempat tinggalnya ialah tulang sulbi dan tempat penyimpanan ialah rahim.

4 Kitab yang terpelihara daripada penambahan, pengurangan, penyelewengan dan perubahan. (Ibn Kathir 4: 212). Ia mengandungi suratan taqdir manusia.

5 SinggahsanaNya.

kamu, siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya⁽¹⁾. Dan jika engkau berkata (wahai Muhammad): «Bahawa kamu akan dibangkitkan kembali selepas mati,» pasti orang yang kafir akan berkata: «(al-Quran) ini tidak lain hanyalah sihir yang nyata».

8. Dan sesungguhnya, jika Kami tangguhkan azab itu daripada menimpa mereka hingga ke suatu masa yang tertentu, pasti mereka akan berkata: «Apakah yang menghalangnya?» Ketahuilah! Pada hari datangnya azab itu, mereka tidak akan dapat mengelaknya dan sudah pasti mereka akan ditimpa azab yang dahulunya mereka persendakan itu.
9. Dan sesungguhnya, jika Kami (memberi peluang) kepada manusia merasai sesuatu rahmat daripada Kami kemudian Kami merampas pemberian itu daripadanya, sudah pasti dia akan berputus asa lagi kafur.
10. Dan sesungguhnya, jika Kami rasakannya kesenangan selepas dia menderita kesusahan, pasti dia akan berkata: «Telah lenyap daripadaku segala kesusahan yang menimpaku». Sesungguhnya dia pasti berasa gembira lagi bermegah-megah.

لِيَسْتَأْذِنُوا كَمَا فِي الْآيَاتِ الْأُولَىٰ
قَالُوا إِنَّا كَفَرْنَا بَعْدَ مَا جَاءَنَا بِالْبَيِّنَاتِ
وَلَا نَحْنُ بِالْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٠﴾

وَلَيْنَ أَخَّرْنَا عَنْهُمُ الْعَذَابَ إِلَىٰ آيَةٍ
مَّا يَأْتِيهِمْ لَيْسَ مَصْرُوفًا عَنْهُمْ وَحَاقَ بِهِمُ
مَا كَانُوا يَبْتَغُونَ ﴿١٠١﴾

وَلَيْنَ أَذَقْنَا آلَ الْإِنسَانِ مِنَّا حَمِيمًا
رَزَقْنَاهَا مِنَّا إِنَّهُ لَیَبْغُونَ كَفُورًا ﴿١٠٢﴾

وَلَيْنَ أَذَقْنَاهُ نِعْمَةً بَعْدَ ضَرْبِهِ
مَسَّهُ لَيَقُولَنَّ ذَهَبَ السَّيِّئَاتُ عَنِّي
إِنَّهُ لَنَفَّحٌ فَخُورٌ ﴿١٠٣﴾

1 Allah menjadikan langit dan bumi untuk tempat tinggal makhlukNya serta tempat berusaha dan beramal agar nyata di antara mereka siapa yang taat dan patuh kepada Allah.

11. Kecuali orang yang sabar dan melakukan amal soleh maka mereka itulah yang akan mendapat keampunan dan pahala yang besar.
12. Barangkali engkau (wahai Muhammad) tidak menyampaikan sebahagian daripada apa yang diwahyukan kepadamu serta merasa sempit dada untuk menyampaikannya disebabkan orang yang ingkar itu berkata: «Mengapa tidak diturunkan kepada (Muhammad) perbendaharaan (kekayaan) atau pun datang bersama-sama dengannya seorang malaikat?» Sesungguhnya engkau hanyalah seorang pemberi peringatan kepada orang yang ingkar dan Allah jualah Pentadbir yang menguruskan setiap sesuatu.
13. Bahkan mereka mengatakan: «Dia (Muhammad) yang mengada-adakan al-Quran itu!» Katakanlah (wahai Muhammad): «(Jika demikian) maka datangkanlah sepuluh surah-surah rekaan yang setanding dengan al-Quran itu dan panggillah siapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya selain Allah, jika kamu adalah orang yang benar».
14. Maka, jika mereka tidak dapat menunaikan permintaan kamu, maka ketahuilah bahawa al-

إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
أُولَئِكَ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿١١﴾

فَلَعَلَّكَ تَارِكٌ بَعْضَ مَا يُوحَىٰ إِلَيْكَ وَضَائِقٌ
بِهِ صَدْرُكَ أَنْ يَقُولُوا أَلَمْ نَأْمُرْكَ أَنْ تَكُونَ
أَوْجَاهَ مَعَهُ وَمَلَكٌ إِنَّمَا أَنْتَ نَذِيرٌ وَاللَّهُ عَلَىٰ
كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٢﴾

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَيْنَاهُ قُلْ فَأْتُوا بِعَشْرِ سُورٍ
مِثْلِهِ مَفْرُوتٍ وَأَدْعُوا مَنِ اسْتَطَعْتُمْ مِنْ
دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٣﴾

فَإِلَّا يَسْتَجِيبُوا لَكُمْ فَاعْلَمُوا أَنَّمَا

Quran itu diturunkan mengikut pengetahuan Allah dan bahawa tidak ada Tuhan yang berhak disembah kecuali Allah. Maka mahukah kamu berserah diri (kepada Allah)?

15. Sesiapa yang hanya menginginkan kehidupan dunia dan perhiasannya, maka Kami akan membalas hasil usaha mereka di dunia dengan sempurna dan mereka tidak dikurangkan sedikit pun daripadanya.
16. Mereka itulah orang yang tidak mendapat sesuatu pun pada hari akhirat kelak kecuali azab neraka. Pada hari itu gugurlah apa yang mereka lakukan di dunia dan sia-sialah apa yang mereka telah lakukan⁽¹⁾.
17. Adakah sama mereka itu dengan orang yang keadaannya sentiasa berdasarkan bukti daripada Tuhan mereka dan disokong pula oleh seorang saksi⁽²⁾ daripada Allah yang meneguhkan bukti tersebut serta sebelum itu kenyataan yang serupa diberi oleh kitab Musa yang menjadi ikutan dan rahmat? Mereka itu beriman kepadanya (al-Quran). Sesiapa di antara mereka dan sekutu-sekutunya yang kufur kepada al-Quran maka nerakalah tempat yang dijanjikan.

أُنزِلَ عَلَيْهَا اللَّهُ وَأَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَهَلْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٤﴾

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَالَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ ﴿١٥﴾

أُولَئِكَ الَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّارُ وَحَبِطَ مَا صَبَعُوا فِيهَا وَبِطِلَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

أَفَمَنْ كَانَ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّهِ وَيَتْلُوهُ شَاهِدٌ مِّنْهُ وَمِن قَبْلِهِ كُتِبَ مُوسَىٰ إِمَامًا وَرَحْمَةً أُولَئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ وَمَنْ يَكْفُرْ بِهِ مِنَ الْآخِرَابِ قَالَنَارُ مَوْعِدُهُ فَلَا تَكُ فِي مَرِيَّةٍ مِّنْهُ إِنَّهُ الْحَقُّ مِن رَّبِّكَ وَلَكِنْ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٧﴾

1 Apa yang mereka usahakan di dunia itu tidak akan mendapat pahala di akhirat.

2 Ada yang mentafsirkan saksi itu malaikat Jibril a.s dan ada juga al-Quran iaitu suatu mukjizat yang tidak dapat dibantah atau dibatalkan.

Maka, janganlah engkau (wahai Muhammad) menaruh rasa ragu-ragu terhadap al-Quran kerana sesungguhnya al-Quran itu adalah benar-benar daripada Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman.

18. Siapakah yang lebih zalim daripada orang yang melakukan pendustaan terhadap Allah! Orang yang demikian sifatnya akan dibawa menghadap Tuhan mereka dan para saksi⁽¹⁾ akan berkata: «Inilah orang yang telah berdusta terhadap Tuhan mereka». Ingatlah! Allah melaknat orang yang zalim.
19. Iaitu orang yang menghalangi jalan Allah dan berusaha supaya jalan itu menjadi bengkok. Mereka itulah orang yang kufur kepada hari akhirat.
20. Mereka itu tidak akan dapat melemahkan kuasa Allah daripada menimpa mereka dengan azab di dunia dan tidak ada pula bagi mereka pelindung selain daripada Allah. Azab bagi mereka akan digandakan (kerana mereka sangat bencikan jalan Allah) sehingga mereka tidak tahan mendengarnya serta tidak pula suka melihat tanda kebenarannya.
21. Mereka itulah orang yang merugikan dirinya sendiri dan lenyaplah daripada mereka apa yang mereka ada-adakan.

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا
أُولَٰئِكَ يَعْزِزُونَ عَلَىٰ رَبِّهِمْ وَيَقُولُونَ
أَلَا شَهِدُ هَٰؤُلَاءِ الَّذِينَ كَذَبُوا عَلَىٰ رَبِّهِمْ
أَلَا لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ ﴿١٨﴾

الَّذِينَ يَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَيَبْغُونَهَا
عُوجًا وَهُمْ يَا آخِرَةَ لَهُمْ كُفْرُونَ ﴿١٩﴾

أُولَٰئِكَ لَمْ يَكُونُوا مُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ وَمَا
كَانَ لَهُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ أَوْلِيَاءَ يُضْعِفُ لَهُمْ
الْعَذَابَ مَا كَانُوا يَسْتَطِيعُونَ السَّمْعَ
وَمَا كَانُوا يُبْصِرُونَ ﴿٢٠﴾

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنفُسَهُمْ وَصَلَّ
عَنَّهُمْ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٢١﴾

1 Para saksi ialah malaikat, nabi-nabi dan anggota-anggota badannya sendiri.

22. Tidak syak lagi, sesungguhnya merekalah yang paling rugi pada hari akhirat kelak.
23. Sesungguhnya orang yang beriman dan melakukan amal soleh serta merendah diri kepada Tuhan mereka, mereka itulah penghuni syurga, mereka kekal di dalamnya.
24. Perumpamaan dua golongan (yang kafir dan yang beriman) itu samalah seperti orang yang buta serta pekak dengan orang yang celik serta mendengar. Adakah kedua-dua golongan itu sama keadaannya? Maka tidakkah kamu mengambil peringatan (daripada perumpamaan itu)?
25. Sesungguhnya, Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya dengan berkata: «Sesungguhnya aku ini seorang rasul pemberi peringatan yang nyata kepada kamu.
26. Agar kamu tidak menyembah selain Allah. Sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpa azab pada hari yang sangat memedihkan (azabnya)».
27. Maka ketua orang kafir daripada kaumnya berkata: «Kami tidak memandangmu (wahai Nuh) kecuali sebagai seorang manusia seperti kami. Kami tidak nampak golongan yang mengikutmu kecuali orang kami yang hina

لَا جْرَمَ أَنَّهُمْ فِي الْآخِرَةِ هُمْ الْأَخْسَرُونَ ﴿٢٢﴾

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَأَحْسَبُوا إِلَىٰ رَبِّهِمْ أُوْلَئِكَ أَصْحَابُ
الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٣﴾

مَثَلُ الْفَرِيقَيْنِ كَالْأَعْمَىٰ وَالْأَصْمَىٰ
وَالْبَصِيرِ وَالسَّمِيعِ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا
أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ إِتِي كُفْرًا زَبِيرٌ
مُّبِينٌ ﴿٢٥﴾

أَن لَّا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ
يَوْمِ الْبَاسِ ﴿٢٦﴾

فَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِن قَوْمِهِ مَا
رَبُّكَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَمَا نَرَاكَ اتَّبَعَكَ إِلَّا
الَّذِينَ هُمْ أَرَادُوا لَنَا بَادِيَ الْوَأْيِ وَمَا نَرَىٰ
لَكُمْ عَلَيْنَا مِن فَضْلٍ بَلْ نُنظِقُكُمْ
كَذِبِينَ ﴿٢٧﴾

lagi berfikiran singkat dan kami juga tidak memandang kamu (semua) mempunyai sebarang kelebihan yang mengatasi kami, bahkan kami menganggap kamu pendusta».

28. Nuh berkata: “Wahai kaumku! Apa pandangan kamu jika aku mempunyai bukti yang nyata daripada Tuhanku serta Dia mengurniakan rahmat kepadaku daripada sisiNya, tetapi rahmat itu dijadikan kabur pada pandangan kamu, maka adakah kamu nampak ada gunanya kami memaksa kamu menerima bukti itu sedangkan kamu tidak menyukainya?”
29. Dan wahai kaumku! Aku tidak meminta kepada kamu sebarang harta sebagai ganjaran dalam menyampaikan agama Allah itu, ganjaranku hanyalah daripada Allah semata-mata dan aku tidak akan menghalau orang yang beriman. Sesungguhnya mereka akan menemui Tuhan mereka tetapi aku melihat kamu semua adalah kaum yang jahil.
30. Dan lagi wahai kaumku! Siapakah yang akan menolongku daripada azab Allah jika aku menghalau mereka? Maka tidakkah kamu mengambil peringatan?

قَالَ يٰ قَوْمِ اَرَأَيْتُمْ اِنْ كُنْتُمْ عَلٰى بَيِّنَةٍ مِّنْ رَبِّيْ
وَاَتٰنِيْ رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِهٖ فَغَمِمْتُمْ عَلَيَّكُمْ
اَنْزَلْتُ مَكْرَهُهَا وَاَنْتُمْ لَهَا كٰرِهُونَ ﴿١٨﴾

وَيَقُوْلُوْا لَا اَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مَا لَآ اِنْ اَجْرِيْ اِلَّا
عَلٰى اللّٰهِ وَمَا اَنَا بِطَارِدِ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّهُمْ
مُلَقُوْا رَبِّهِمْ وَلٰكِنِّيْ اَرٰكُمْ قَوْمًا تَجْحَلُوْنَ ﴿١٩﴾

وَيَقُوْمِيْنَ مِّنْ بَصْرِيْ مِنْ اِلٰهِ اِنْ طَرَدْتُّهُمْ
اَفَلَا تَذَكَّرُوْنَ ﴿٢٠﴾

31. Aku tidak mengatakan kepada kamu bahawa aku memiliki khazanah kekayaan daripada Allah dan aku tidak mendakwa mengetahui perkara yang ghaib serta aku tidak mengatakan bahawa aku ini malaikat. Aku juga tidak mengatakan terhadap orang yang kamu pandang hina itu bahawa Allah tidak akan memberi kebaikan kepada mereka. Allah lebih mengetahui akan apa yang ada di dalam hati mereka. Sesungguhnya jika aku bertindak demikian, pasti aku tergolong di kalangan orang yang zalim».
32. Mereka berkata: «Wahai Nuh! Sesungguhnya engkau telah berdebat dengan kami lalu engkau memperbanyakkan hujah semasa mengemukakan bantahanmu kepada kami. Maka datangkanlah kepada kami azab Allah yang engkau janjikan jika engkau termasuk orang yang benar».
33. Nuh menjawab: «Sesungguhnya Allah jualah yang akan mendatangkan azabNya itu kepada kamu jika Dia kehendaki dan kamu tidak sama sekali akan dapat melemahkan kuasa Allah!»
34. Dan tidaklah bermanfaat nasihatku kepada kamu jika aku hendak menasihati kamu, sekiranya Allah hendak menyesatkan kamu. Dialah Tuhan kamu dan kepadaNya kamu dikembalikan».

وَلَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا
أَعْلَمُ الْغَيْبَ وَلَا أَقُولُ إِنِّي مَلَكٌ وَلَا أَقُولُ
لِلَّذِينَ تَزْدِرِي أَعْيُنُكُمْ لَنْ يُؤْتِيَهُمُ اللَّهُ خَيْرًا
اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا فِي أَنْفُسِهِمْ إِنِّي إِذًا لَمِنَ
الظَّالِمِينَ ﴿٣١﴾

قَالُوا يَنْوُحُ قَدْ جَدَلْنَا فَاكْثَرْتَ جِدْلًا لَنَا فَإِنَّا
بِمَا تَعْدُنَا إِن كُنْتَ مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٣٢﴾

قَالَ إِنَّمَا يَأْتِيَكُمْ بِهِ اللَّهُ إِن شَاءَ وَمَا أَنْتُمْ
بِمُعْجِزِينَ ﴿٣٣﴾

وَلَا يَنْفَعُكُمْ نُصْحِي إِن أَرَدْتُ أَنْ أَنْصَحَ
لَكُمْ إِن كَانَ اللَّهُ يُرِيدُ أَنْ يُغْوِيَكُمْ
هُوَ رَبُّكُمْ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٣٤﴾

35. Bahkan mereka mengatakan bahawa Nuh sengaja mengada-adakan (nasihatnya) secara dusta. Katakanlah: «Jika aku yang mengada-adakan wahyu itu maka akulah yang akan menanggung dosa perbuatanku itu dan sebenarnya aku berlepas diri daripada dosa kamu menuduhku».
36. Dan diwahyukan kepada Nuh: «Bahawa sesungguhnya kaummu tidak sama sekali akan beriman kecuali orang yang telah sedia beriman. Maka, janganlah engkau bersedih (lagi berputus asa) tentang apa yang mereka sentiasa lakukan.
37. Dan buatlah bahtera dengan pengawasan dan petunjuk wahyu Kami dan janganlah engkau berbicara denganKu tentang orang yang zalim itu. Sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan».
38. Nuh pun membuat bahtera itu dan setiap kali pemimpin kaumnya berjalan melewati Nuh, mereka mempersendakannya. Nuh menjawab: «Jika kamu mempersendakan kami, maka sesungguhnya kami juga mempersendakan kamu, sebagai (balasan) sendaan kamu».
39. Nanti kamu akan mengetahui siapakah yang akan didatangi azab yang menjadikannya hina di dunia dan bakal ditimpa azab yang kekal pada hari akhirat kelak».

أَمْ يَقُولُونَ أَفَرَبَّنَا قُلْ إِنْ أَفَرَبْتُهُ فَعَسَىٰ
إِجْرَامِي وَأَنَا بَرِيءٌ مِّمَّا يُجْرِمُونَ ﴿٣٥﴾

وَأَوْحَىٰ إِلَىٰ نُوحٍ أَنَّهُ لَنْ يُؤْمِنَ مِنْ قَوْمِكَ إِلَّا مَن
قَدَّ أَمَنَ فَلَا تَبْتَئِسْ بِمَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾

وَأَصْنَعِ الْفُلَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخَاطِبْنِي
فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٣٧﴾

وَيَصْنَعِ الْفُلَ وَكَلَّمَا مَرْعَاهُ مَلَأَ مِنْ
قَوْمِهِ سُخْرًا مِمَّنْ قَالَ إِنْ تَسْخَرُوا مِنَّا فَإِنَّا
تَسْخَرُ مِنْكُمْ كَمَا تَسْخَرُونَ ﴿٣٨﴾

فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ مَنْ يَأْتِيهِ عَذَابٌ يُجْزِيهِ
وَيَحِلُّ عَلَيْهِ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٣٩﴾

40. Sehingga apabila datang hukuman Kami untuk membinasakan mereka dan air memancut-mancut keluar dari muka bumi, Kami berfirman kepada Nuh: «Bawalah di dalam bahtera itu setiap jenis haiwan berpasangan (jantan dan betina) dan bawalah keluargamu kecuali orang yang telah ditetapkan hukuman azab ke atasnya, juga bawalah orang yang beriman». Tidak ada orang yang beriman bersama-samanya kecuali sedikit sahaja.
41. Dan Nuh berkata: «Naiklah kamu semua ke dalamnya dengan menyebut nama Allah ketika belayar dan berlabuh. Sesungguhnya Tuhanku adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani».
42. Bahtera itu bergerak laju membawa mereka dalam gelombang ombak yang tinggi seperti gunung-ganang dan (sebelum itu) Nuh memanggil anaknya⁽¹⁾, sedangkan dia berada di tempat yang jauh daripadanya: «Wahai anakku, naiklah bersama-sama kami, janganlah engkau berada bersama orang yang kafir».
43. Anaknya menjawab: «Aku akan pergi berlindung ke sebuah gunung yang dapat menyelamatkan aku daripada

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَمْرُنَا وَفَارَ التَّنُورُ قُلْنَا احْمِلْ فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجَيْنِ اثْنَيْنِ وَأَهْلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيْهِ الْقَوْلُ وَمَنْ ءَامَنَ وَمَا ءَامَنَ مَعَهُ إِلَّا قَلِيلٌ ﴿٤٠﴾

﴿٤١﴾ وَقَالَ أَرَبِئْتُ رَبِّيَ لَقَوْمٌ رَّحِيمٌ ﴿٤١﴾

وَهِيَ تَجْرِي بِهِمْ فِي مَوْجٍ كَالْجِبَالِ وَتَادَى نُوحٌ ابْنَهُ وَكَانَ فِي مَعْرِلٍ يَبْنِي أَرَبُ مَعَنَا وَلَا تَكُنْ مَعَ الْكَافِرِينَ ﴿٤٢﴾

قَالَ سَأُوِي إِلَىٰ جَبَلٍ يَعْصِمُنِي مِنَ الْمَاءِ قَالَ لَا عَاصِمَ الْيَوْمَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِلَّا مَنْ رَحِمَ وَحَالَ بَيْنَهُمَا الْمَوْجُ فَكَانَ مِنَ الْمُعْرَفِينَ ﴿٤٣﴾

1 Nama anak nabi Nuh a.s yang kafir itu ialah Qan'an.

ditenggelami air». Nuh berkata: «Hari ini tidak ada pelindung daripada azab Allah, selain (Allah) Yang Maha Penyayang». Dan dengan serta-merta gelombang itu memisahkan di antara keduanya, lalu jadilah dia di kalangan orang yang ditenggelamkan.

44. Dan difirmankan: «Wahai bumi telanlah airmu dan wahai langit berhentilah daripada hujan». Dan surutlah air serta terlaksanalah perintah⁽¹⁾ (Allah) itu dan bahtera itu pun berlabuh di atas gunung «Judiy»⁽²⁾ dan dikatakan: «Kebiasaanlah kesudahan bagi orang yang zalim».
45. Dan Nuh merayu kepada Tuhannya dengan berkata: «Wahai Tuhanku! Sesungguhnya anakku itu daripada keluargaku sendiri dan bahawa janjiMu itu adalah benar serta Engkau adalah Hakim yang menghukum dengan seadil-adilnya».
46. Allah berfirman: «Wahai Nuh! Sesungguhnya anakmu itu bukanlah daripada keluargamu (yang dijanjikan untuk diselamatkan). Sesungguhnya amalannya (permohonan Nuh agar anaknya dilepaskan) bukanlah amalan yang soleh,

وَقِيلَ يَا أَرْضُ ابْلَعِي مَاءَكَ وَيَسْمَأْهِ أَقْلِي
وَيَغِيضِ الْمَاءَ وَفُضِيَ الْأَمْرُ وَأَسْتَوَتْ عَلَى
الْجُودِيِّ وَقِيلَ بُعْدًا لِلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٤٤﴾

وَنَادَى نُوحٌ رَبَّهُ فَقَالَ رَبِّ إِنَّ ابْنِي مِنْ أَهْلِي وَإِنَّ
وَعْدَكَ الْحَقُّ وَأَنْتَ أَحْكَمُ الْحَاكِمِينَ ﴿٤٥﴾

قَالَ يَنْحُوحُ إِنَّهُ لَيْسَ مِنْ أَهْلِكَ إِنَّهُ عَمَلٌ غَيْرُ
صَالِحٍ فَلَا تَسْتَلِنَ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنِّي
أَعْظُكَ أَنْ تَكُونَ مِنَ الْجَاهِلِينَ ﴿٤٦﴾

1 Iaitu janji Allah dengan membinasakan orang yang kafir kepada nabi Nuh a.s dan menyelamatkan orang yang beriman.

2 Bukit Judiy terletak di selatan Armenia yang bersempadan dengan Mesopotamia.

maka janganlah engkau memohon kepadaKu sesuatu yang engkau tidak mempunyai ilmu mengenainya. Sesungguhnya Aku memperingatkanmu supaya kamu tidak termasuk orang yang jahil».

47. Nuh berkata: «Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada memohon sesuatu yang aku tidak mengetahui (hakikatnya). Jika Engkau tidak mengampunkan dosaku dan merahmatiku, pasti aku termasuk orang yang rugi».
48. Difirmankan: «Wahai Nuh! Turunlah dengan keselamatan dan keberkatan daripada Kami ke atasmu dan umat-umat (yang beriman) daripada orang yang bersamamu. Dan ada (pula) umat yang Kami akan beri kesenangan kepadanya (dalam kehidupan dunia), kemudian mereka akan ditimpa azab yang pedih».
49. Itu adalah berita-berita ghaib yang Kami wahyukan kepadamu, yang engkau dan kaummu tidak mengetahuinya sebelum ini. Maka, bersabarlah. Sesungguhnya kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertaqwa.
50. Dan kepada kaum ‘Aad⁽¹⁾, Kami mengutuskan saudara mereka Hud yang berkata: «Wahai kaumku, sembahlah Allah!

قَالَ رَبِّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَسْأَلَكَ مَا لَيْسَ لِي بِهِ عِلْمٌ وَإِلَّا تَغْفِرْ لِي وَرَحْمَتِي أَكُنْ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٤٧﴾

قِيلَ يَا نُوحُ اهْبِطْ بِسَلَامٍ مِنَّا وَبَرَكَاتٍ عَلَيْكَ وَعَلَىٰ أُمَمٍ مِّمَّنْ مَعَكَ وَأُمُرٌ سَنُمَتِّعُهُمْ ثُمَّ سَمُرُهُمْ مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٨﴾

تِلْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْغَيْبِ نُوحِيهَا إِلَيْكَ مَا كُنْتَ تَعْلَمُهَا أَنْتَ وَلَا قَوْمُكَ مِنْ قَبْلِ هَذَا فَاصْبِرْ ۚ إِنَّ الْعُقُوبَةَ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٤٩﴾

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَهِ غَيْرُهُ ۚ وَإِنِ أَنْتُمْ إِلَّا مُفْتَرُونَ ﴿٥٠﴾

1 Ialah kaum nabi Hud a.s.

Tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Kamu hanyalah orang yang mengada-adakan perkara yang dusta (terhadap Allah).

51. Wahai kaumku! Aku tidak meminta ganjaran daripada kamu dalam menyampaikan ajaranku. Ganjaranku hanyalah daripada Allah yang menciptaku. Tidakkah kamu berfikir?
52. Dan wahai kaumku! Beristighfarlah kepada Tuhan kamu kemudian bertaubatlah kepadaNya agar Dia menurunkan hujan yang lebat serta menambahkan kekuatan di samping kekuatan kamu yang sedia ada dan janganlah kamu berpaling dengan melakukan dosa!
53. Mereka berkata: «Wahai Hud! Engkau tidak membawa kepada kami sebarang bukti yang membuktikan kebenaranmu dan kami tidak akan meninggalkan penyembahan tuhan kami dengan sebab kata-katamu itu! Dan kami tidak sama sekali percaya kepadamu!»
54. «Kami hanya boleh berkata bahawa sembahkan kami telah menimpakan suatu penyakit gila ke atas dirimu». Hud menjawab: «Sesungguhnya aku menyeru Allah menjadi

يَقَوْمٍ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِنْ أَجْرِي إِلَّا عَلَى الَّذِي فَطَرَنِي أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٥١﴾

وَيَقَوْمٍ أَسْتَغْفِرُ لَهُمْ فَمَا أَصْبَرْتُمْ تَوْبُوا إِلَيْهِ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَى قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا مُجْرِمِينَ ﴿٥٢﴾

قَالُوا يَا هُوْدُ مَا جِئْتَنَا بِبَيِّنَةٍ وَمَا نَحْنُ بِتَارِكِي آلِ هَيْثَنَا عَنْ قَوْلِكَ وَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٥٣﴾

إِنْ نَقُولُ إِلَّا اعْتَرَاكَ بَعْضُ آلِهَتِنَا بِسُوءٍ قَالَ إِنِّي أُشْهِدُ اللَّهَ وَآسْهُدُوْا أَنِّي بَرِيءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿٥٤﴾

saksiku dan saksikanlah bahawa sesungguhnya aku berlepas diri daripada apa yang kamu sekutukan.

55. Dengan selainNya, maka rancanganlah tipu daya kamu semua terhadapku dan janganlah kamu memberi tangguh kepadaku.
56. «Sesungguhnya aku telah bertawakal kepada Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu! Tidak ada sesuatu pun daripada binatang yang melata⁽¹⁾ di muka bumi kecuali Allah jualah yang menguasainya. Sesungguhnya Tuhanku berada di atas jalan yang lurus⁽²⁾.
57. Jika kamu berpaling, maka sesungguhnya aku telah menyampaikan kepada kamu apa yang telah diutuskan oleh Allah untuk menyampaikannya dan Tuhanku akan menggantikan kamu dengan suatu kaum yang lain (setelah kamu dibinasakan) serta kamu pula tidak akan mendatangkan mudarat kepadaNya sedikit pun. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pemelihara di atas setiap sesuatu».
58. Dan apabila datang azab Kami, Kami selamatkan Hud serta

مِن دُونِهِ فَكَيْدُ فِي جَمِيعَانِمَا لَا تَنْظُرُونَ ﴿٥٥﴾

إِنِّي تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ رَبِّي وَرَبِّكُمْ مَا مِن دَابَّةٍ
إِلَّا هُوَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا إِنَّ رَبِّي عَلَى صِرَاطٍ
مُسْتَقِيمٍ ﴿٥٦﴾

فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقَدْ أَبْلَغْتُكُمْ مَا أُرْسِلْتُ بِهِ إِلَيْكُمْ
وَيَسْتَحْلِفُ رَبِّي قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّوهُ
شَيْئًا إِنَّ رَبِّي عَلَى كُلِّ شَيْءٍ حَفِيظٌ ﴿٥٧﴾

وَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا لَنَجِّنَا هُودًا وَالَّذِينَ آمَنُوا
مَعَهُ وَبِرَحْمَةٍ مِنَّا وَنَجِّنَا هُم مِّنْ عَذَابٍ عَلِيمٍ ﴿٥٨﴾

1 Makhluk yang bernyawa di muka bumi.

2 Allah selalu berbuat adil.

umatnya yang beriman dengan rahmat daripada Kami dan Kami selamatkan mereka daripada azab yang keras.

59. Dan itulah kisah kaum ‘Aad⁽¹⁾ yang mengingkari ayat-ayat Tuhan mereka dan menderhaka kepada para rasul-Nya. Mereka mengikuti suruhan semua ketua yang bermaharajalela lagi derhaka.
60. Mereka ditimpa laknat di dunia ini dan pada hari kiamat. Ketahuilah! Sesungguhnya kaum ‘Aad itu telah kufur kepada Tuhan mereka. Ketahuilah! Kebinasaanlah bagi ‘Aad (iaitu) kaum Hud.
61. Dan kepada kaum Thamud⁽²⁾, Kami mengutuskan saudara mereka Soleh. Dia berkata: «Wahai kaumku! Sembahlah Allah! Tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Dialah yang menjadikan kamu daripada bumi (tanah) serta menjadikan kamu memakmurkannya. Maka, beristighfarlah kepada Allah daripada perbuatan syirik, kemudian bertaubatlah kamu kepadaNya. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya».

وَتِلْكَ عَادٌ جَحَدُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا
رُسُلَهُ وَاتَّبَعُوا أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٥٩﴾

وَاتَّبَعُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا الْعَنَةَ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ أَلَا
إِنَّ عَادًا كَفَرُوا رَبَّهُمْ أَلَا بَعْدَ الْعَادِ قَوْمُ هُودٍ ﴿٦٠﴾

﴿٦١﴾ وَإِلَى ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَا قَوْمِ
اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَهِ غَيْرُهُ وَهُوَ
أَنْشَأَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ وَأَسْتَعْمِرَكُمْ فِيهَا
فَاسْتَغْفِرُوا لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَإِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴿٦١﴾

1 Kaum nabi Hud a.s.

2 Kaum nabi Soleh a.s.

62. Mereka menjawab dengan berkata: «Wahai Soleh, sesungguhnya engkau sebelum ini adalah daripada kalangan kami yang kami harapkan. Apakah engkau melarang kami daripada menyembah apa yang disembah oleh nenek moyang kami? Sesungguhnya kami berada dalam keadaan ragu-ragu tentang apa yang engkau serukan kepada kami».
63. Soleh berkata: «Wahai kaumku! Apa pandangan kamu sekiranya aku berada di dalam kebenaran berdasarkan bukti yang nyata daripada Tuhanku dan Dia pula mengurniakan rahmat (pangkat kenabian) kepadaku sebagai pemberian daripadaNya, maka siapakah yang akan menolongku daripada azab Allah jika aku menderhaka kepadaNya? Maka, kamu tidak menambah sesuatu kebaikan pun bagiku selain daripada perkara yang merugikan.
64. «Dan wahai kaumku! Ini adalah unta betina daripada Allah untuk kamu sebagai tanda (mukjizat) yang membuktikan kebenaranku. Maka, biarkanlah dia mencari makan di bumi Allah dan janganlah kamu ganggungunya dengan sesuatu yang menyakitinya, (jika kamu menyakitinya) maka kamu akan ditimpa azab yang segera».

قَالُوا بَصِلِحٌ قَدْ كُنْتَ فِينَا مَرْجُوًّا قَبْلَ هَذَا
 أَتَنْهَانَا أَنْ نَعْبُدَ مَا يَعْبُدُ آبَاؤُنَا وَإِنَّا لَفِي
 شَكٍّ مِمَّا تَدْعُونَا إِلَيْهِ مُرِيبٍ ﴿٦٢﴾

قَالَ يَقَوْمِ أَرَأَيْتُمْ إِن كُنْتُمْ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن
 رَبِّي وَآتَانِي مِّنْهُ رَحْمَةً فَهَمَّ بِنَصْرِي مِّن
 اللَّهِ إِنَّ عَصِيْبَهُ لَمَّا تَزِيدُونِي غَيْرَ تَخْسِيرٍ ﴿٦٣﴾

وَيَقَوْمِ هَذِهِ نَاقَةُ اللَّهِ لَكُمْ آيَةٌ
 فَذُرُّوهَا تَأْكُلْ فِي أَرْضِ اللَّهِ وَلَا تَمْسُوهَا
 بِسَوْءٍ فَيَأْخُذْكُمْ عَذَابٌ قَرِيبٌ ﴿٦٤﴾

65. Mereka kemudiannya menyembelih unta itu, lalu Soleh berkata kepada mereka: “Bersenang-lenanglah kamu di tempat masing-masing selama tiga hari⁽¹⁾, ia adalah janji yang tidak dapat didustakan».
66. Maka apabila datang azab Kami, Kami selamatkan Soleh serta umatnya yang beriman dengan rahmat daripada Kami dan Kami selamatkan mereka daripada azab serta kehinaan hari itu. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah Yang Maha Kuat lagi Maha Perkasa.
67. Dan orang yang zalim itu dibinasakan oleh satu pekikan suara yang kuat⁽²⁾, lalu mereka mati bergelimpangan di tempat tinggal masing-masing.
68. (Mereka binasa) seolah-olah mereka tidak pernah tinggal⁽³⁾ di situ. Ingatlah! Sesungguhnya kaum Thamud itu mengkufuri Tuhan mereka. Ingatlah! Sesungguhnya kebinasaanlah kesudahan bagi kaum Thamud.
69. Dan sesungguhnya telah datang utusan-utusan⁽⁴⁾ Kami kepada

فَعَقَرُوا هَاقِقًا لَمْ تَمْتَعُوا فِي دَارِكُمْ
ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ ذَلِكَ وَعْدُ غَيْرِمْ كَذُوبٍ ﴿٦٥﴾

فَلَمَّا جَاءَهُمْ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا صَالِحًا وَالَّذِينَ
آمَنُوا مَعَهُ بِرَحْمَةٍ مِنَّا وَمِن خِزْيِ
يَوْمِئِذٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ ﴿٦٦﴾

وَأَخَذَ الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةَ فَأَصْبَحُوا
فِي دِيَارِهِمْ جَثِمِينَ ﴿٦٧﴾

كَأَن لَّمْ يَغْنَوْا فِيهَا الْآلَاءُ إِنَّا تَوَدُّ
كَفَرُوا رَبَّهُمْ أَلا بَعْدَ التَّمُودِ ﴿٦٨﴾

وَلَقَدْ جَاءَتْهُمْ رُسُلُنَا إِبْرَاهِيمَ بِالْبَيِّنَاتِ قَالُوا

1 Perbuatan mereka menusuk unta itu adalah pelanggaran terhadap larangan nabi Soleh a.s. Oleh sebab itu, Allah menjatuhkan kepada mereka hukuman, iaitu membataskan hidup mereka hanya dalam tempoh tiga hari, maka sebagai sendaan, mereka disuruh bersukaria selama tiga hari itu.

2 Gempa bumi.

3 Demikian cepatnya mereka dihancurkan oleh tempikan suara tersebut, sehingga mereka hancur lebur tanpa bekas, seakan-akan mereka tidak pernah ada.

4 Para malaikat.

Ibrahim dengan membawa berita yang menggembirakan. Lalu mereka memberi salam dengan berkata: «Salam sejahtera kepadamu (wahai Ibrahim)». Ibrahim menjawab: «Salam sejahtera kepada kamu». Maka tidak berapa lama selepas itu, dia membawa jamuan untuk mereka, seekor anak lembu yang dipanggang.

70. Maka apabila dia melihat tangan mereka tidak menyentuh hidangan itu, dia merasa pelik akan hal mereka serta merasa sangat takut. Mereka berkata: «Janganlah engkau takut wahai Ibrahim, sebenarnya kami ini diutuskan kepada kaum Lut».
71. Dan isterinya pada ketika itu berdiri (mendengar), lalu dia tersenyum (kerana hilang perasaan takutnya). Maka Kami pun menyampaikan berita yang menggembirakan kepadanya bahawa dia akan mendapat seorang anak iaitu Ishak dan selepas Ishak, (dia pula akan mendapat seorang cucu) iaitu Yaakub.
72. Isterinya berkata: «Sungguh menghairankan! Adakah aku akan melahirkan anak sedangkan aku sudah tua dan suamiku ini juga sudah tua? Sesungguhnya kejadian ini suatu perkara yang menghairankan».

سَلَامًا قَالَ سَلَامٌ فَمَا لِيَتْ أَنْ جَاءَ بِعِجْلٍ
حَنِيدٍ ﴿٦٩﴾

فَلَمَّا رَأَى أَيْدِيَهُمْ لَا تَصِلُ إِلَيْهِ نَكِرَهُمْ
وَأَوْجَسَ مِنْهُمْ خِيفَةً قَالُوا لَا تَخَفْ إِنَّا
أُرْسِلْنَا إِلَى قَوْمِ لُوطٍ ﴿٧٠﴾

وَأَمْرَأَهُ وَقَائِمَةً فَضَحِكَتْ فَبَشَّرْنَاهَا
بِإِسْحَاقَ وَمِنْ وَرَاءِ إِسْحَاقَ يَعْقُوبَ ﴿٧١﴾

قَالَتْ يَتُوبَلِيَّ أَلَا أَدُّ وَأَنَا عَجُوزٌ وَهَذَا بَعْلِي
شَيْخًا إِنَّ هَذَا لَشَيْءٌ عَجِيبٌ ﴿٧٢﴾

73. Para malaikat itu berkata: «Patutkah engkau merasa hairan tentang perkara yang telah ditetapkan oleh Allah? (Itu adalah) rahmat Allah dan berkatNya kepada kamu, wahai penghuni rumah ini! Sesungguhnya Allah Maha Terpuji, lagi Maha Melimpah kemurahanNya».
74. Maka apabila hilang perasaan takut di hati Ibrahim dan sampai kepadanya berita yang mengembirakan itu, dia pun bersoal jawab dengan (malaikat) Kami tentang kaum Lut.
75. Sesungguhnya Ibrahim benar-benar seorang penyantun lagi merendah diri dan suka kembali kepada Allah.
76. «Wahai Ibrahim! Janganlah dihiraukan hal ini. Sesungguhnya telah datang perintah Tuhanmu dan sesungguhnya mereka akan didatangi azab yang tidak akan dapat ditolak».
77. Apabila datang para utusan Kami (malaikat) kepada Lut dia merasa dukacita dan merasa sempit dada dengan kedatangan mereka sambil berkata: «Ini adalah hari yang amat mencemaskan⁽¹⁾».

قَالُوا اتَّعَجِبِينَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ رَحِمْتَ اللَّهُ
وَبَرَكَتُهُ وَعَلَيْكُمْ أَهْلَ الْبَيْتِ إِنَّهُ رَحِيمٌ
مَجِيدٌ ﴿٧٣﴾

فَلَمَّا ذَهَبَ عَنْ إِبْرَاهِيمَ الرَّوْعُ وَجَاءَتْهُ
الْبَشْرَىٰ يُجَادِلُنَا فِي قَوْمِ لُوطٍ ﴿٧٤﴾

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ لَحَلِيمٌ أَوَّاهٌ مُنِيبٌ ﴿٧٥﴾

يَا إِبْرَاهِيمُ أَعْرِضْ عَنْ هَذَا إِنَّهُ قَدْ جَاءَ أَمْرُ
رَبِّكَ وَإِنَّهُمْ لَنَا عِدَابٌ عَذَابٌ غَيْرُ مَرْدُودٍ ﴿٧٦﴾

وَلَمَّا جَاءَتْ رُسُلُنَا لُوطًا سِئَاءَ بِهِمْ وَضَاقَ
بِهِمْ ذَرْعًا وَقَالَ هَذَا يَوْمٌ عَصِيبٌ ﴿٧٧﴾

1 Nabi Lut a.s merasa susah hati dengan kedatangan utusan-utusan Allah kerana mereka berupa pemuda yang rupawan, sedangkan kaum nabi Lut a.s amat menyukai pemuda-pemuda yang rupawan untuk melakukan homoseksual. Dan dia merasa tidak sanggup melindungi mereka ketika ada gangguan daripada kaumnya.

78. Dan kaumnya pun datang meluru kepadanya, sedang mereka sebelum itu sudah biasa melakukan kejahatan⁽¹⁾. Lut berkata: «Wahai kaumku! Di sini ada anak-anak perempuanku. Mereka lebih suci bagi kamu. Maka takutlah kamu kepada Allah dan janganlah kamu memberi malu kepadaku di hadapan tetamuku. Tidakkah ada di antara kamu seorang lelaki yang berakal?»
79. Mereka menjawab: «Sesungguhnya engkau telah pun mengetahui bahawa kami tidak ada sebarang hajat⁽²⁾ kepada anak perempuanmu dan sebenarnya engkau sedia mengetahui akan apa yang kami kehendaki».
80. Lut berkata: «Seandainya aku ada kekuatan untuk menentang kamu atau aku dapat berlindung kepada keluarga yang kuat».
81. Para (malaikat) berkata: «Wahai Lut! Sesungguhnya kami (adalah malaikat) utusan Tuhanmu. Kaum engkau yang jahat itu tidak sama sekali akan dapat melakukan kepadamu (sebarang bencana). Maka, pergilah dari sini bersama-sama dengan keluargamu pada tengah malam dan janganlah seorang pun di antara kamu menoleh ke belakang. Kecuali

وَجَاءَهُ قَوْمُهُ وَيُهْرَعُونَ إِلَيْهِ وَمِنْ قَبْلِ كَانُوا يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ قَالَ يَفْقَهُ هَؤُلَاءِ بَنَاتِي هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تَخْزُونِ فِي صَبِيِّ الْأَيْسِّ مِنْكُمْ رَجُلٌ رَشِيدٌ ﴿٧٨﴾

قَالُوا لَقَدْ عَلِمْتَمَا لَنَا فِي بَنَاتِكَ مِنْ حَقِّكِ وَإِنَّكَ لَتَعْلَمُ مَا نُرِيدُ ﴿٧٩﴾

قَالَ لَوْ أَنَّ لِي بِيَكُمُ قُوَّةٌ أَوْ إِيَّائِي إِلَىٰ كُنْتُمْ شَدِيدًا ﴿٨٠﴾

قَالُوا يَلْبُوطٌ إِنَّا رُسُلُ رَبِّكَ لَنْ نَصِلُوا إِلَيْكَ فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ بِقِطْعٍ مِنَ اللَّيْلِ وَلَا يَلْتَفِتْ مِنْكُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَمْرًا نَكَ إِتَهُ مُصِيبَهَا مَا أَصَابَهُمْ إِنْ مَوْعَدَهُمُ الصُّبْحُ أَلَيْسَ الصُّبْحُ بِقَرِيبٍ ﴿٨١﴾

1 melakukan liwat (homoseksual).

2 Mereka tidak mempunyai syahwat terhadap wanita.

isterimu, sesungguhnya dia akan ditimpa azab yang juga akan menimpa mereka (kerana dia memihak kepada mereka). Sesungguhnya masa yang dijanjikan untuk ditimpakan azab kepada mereka ialah waktu subuh. Bukankah waktu subuh itu sudah dekat?»

82. Maka apabila datang azab Kami, Kami jadikan negeri kaum Lut itu diterbalikkan (tertimbus segala yang ada di muka buminya) dan Kami menghujani mereka dengan batu daripada tanah yang terbakar dengan bertubi-tubi.

83. Yang ditandakan di sisi Tuhanmu dan tidaklah ia jauh daripada orang yang zalim⁽¹⁾ itu.

84. Dan kepada penduduk «Madyan⁽²⁾» Kami mengutuskan saudara mereka, Syuaib. Dia berkata: «Wahai kaumku! Sembahlah Allah! Tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan. Sesungguhnya aku melihat kamu berada dalam kemewahan dan sesungguhnya aku bimbang, kamu akan ditimpa azab hari yang meliputi (hari akhirat).

فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَلَىٰ مَنَاسِكِهَا
وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً مِّن سِجِّيلٍ
مَّنصُودٍ ﴿٨٢﴾

مُسَوَّمَةً عِنْدَ رَبِّكَ وَمَاهِي مِّن
الظَّالِمِينَ يَعْجِدُ ﴿٨٣﴾

﴿٨٤﴾ وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُ شُعَيْبًا قَالَ يَا قَوْمِ
أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ وَلَا
تَنْقُصُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ إِنِّي
أُرَاكُمْ بِخَيْرٍ وَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ
عَذَابَ يَوْمٍ مُّحِيطٍ ﴿٨٥﴾

1 Yakni orang zalim itu kerana kezalimannya, mereka pasti mendapat seksa yang demikian.

2 Madyan ialah kaum nabi Syu'aib a.s.

85. Dan wahai kaumku! Sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil dan janganlah kamu mengurangkan (hak-hak) manusia yang menjadi miliknya dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di muka bumi.
86. Kurniaan Allah kepada kamu lebih baik bagi kamu, jika kamu adalah orang yang beriman. Dan aku bukanlah orang yang menjaga perbuatan kamu».
87. Mereka berkata: «Wahai Syuaib! Adakah solatmu menyuruhmu agar kami meninggalkan apa yang disembah oleh nenek moyang kami atau supaya kami melakukan apa yang kami suka melakukannya dalam menguruskan harta benda kami? Sesungguhnya engkau adalah seorang yang penyantun lagi berakal (maka bagaimana pula engkau menyuruh kami melakukan perkara yang bertentangan dengan kebiasaan kami)?»
88. Syuaib berkata: «Wahai kaumku! Apa pandangan kamu jika aku mempunyai bukti yang nyata daripada Tuhanku dan Dia pula mengurniakan aku (pangkat kenabian) sebagai pemberian yang baik daripadaNya? Aku tidak bertujuan hendak menyalahi kamu dengan melakukan sesuatu

وَيَقْوِمُوا أَوْقُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ
بِالْقِسْطِ وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ
وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٨٥﴾

بَقِيَّتِ اللَّهُ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ
وَمَا أَنَا عَلَيْكُمْ بِحَفِيظٍ ﴿٨٦﴾

قَالُوا يَسْئَعِبُ أَصْلُكَ تَأْمُرُكَ أَنْ تَذُرَّكَ
مَا يَعْجُدُونَ آبَاؤَنَا وَأَنْ نَفْعَلَ فِي أَمْوَالِنَا
مَا نَشَاءُ إِنَّكَ لَأَنْتَ الْحَلِيمُ الرَّشِيدُ ﴿٨٧﴾

قَالَ يَقْوِمُوا أَرْءَيْبْتُمْ إِنْ كُنْتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ
مِّن رَّبِّي وَرَزَقَنِي مِنْهُ رِزْقًا حَسَنًا وَمَا
أُرِيدُ أَنْ أُلْحِقَ كُمْ إِلَىٰ مَا أَنهَيْتُمْ
عَنْهُ إِنْ أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ وَمَا
تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ ﴿٨٨﴾

yang aku larang? Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku dan aku tidak akan mendapat taufiq untuk menjayakannya kecuali dengan pertolongan Allah. Hanya kepada Allah jualah aku bertawakal dan kepadaNya lah aku kembali.

89. Dan wahai kaumku! Janganlah permusuhan kamu terhadapku menyebabkan kamu ditimpa bencana sebagaimana yang telah menimpa kaum Nuh, kaum Hud atau kaum Soleh. Dan kaum Lut pun tidaklah jauh daripada kamu (kamu sedia mengetahui apa yang telah menimpa mereka).
90. Dan beristighfarlah kepada Tuhan kamu, kemudian bertaubatlah kepadaNya. Sesungguhnya Tuhanku Maha Mengasihani lagi Maha Pengasih».
91. Mereka berkata: «Wahai Syuaib! Kami tidak mengerti kebanyakan daripada apa yang engkau katakan itu dan sesungguhnya kami melihat engkau orang yang lemah di kalangan kami. Jika tidak kerana keluargamu, pasti kami telah melemparmu (dengan batu hingga mati). Dan engkau pula bukanlah orang yang dipandang mulia di kalangan kami!»
92. Syuaib berkata: «Wahai kaumku! Adakah keluargaku lebih dipandang mulia oleh kamu daripada Allah serta kamu pula

وَيَقُولُ لَا يَحْرِمَنَّكُمْ شِقَاقِي أَنْ يُصِيبَكُمْ
مِثْلُ مَا أَصَابَ قَوْمَ نُوحٍ أَوْ قَوْمَ هُودٍ أَوْ قَوْمَ
صَالِحٍ وَمَا قَوْمَ لُوطٍ مِنْكُمْ بِعَبِيدٍ ﴿٨٩﴾

وَأَسْتَغْفِرُكَ وَأُوبَىٰ إِلَيْهِ إِنِّي
رَبِّي رَحِيمٌ وَدُودٌ ﴿٩٠﴾

قَالُوا يَنْتُهِبُ مَا نَفَقَهُ كَثِيرًا مِمَّا نَقُولُ
وَإِنَّا لَنَرِيكَ فِي سِنَا ضَعِيفًا وَلَوْلَا رَهْطُكَ
لَرَجَمْنَاكَ وَمَا أَنْتَ عَلَيْنَا بِعَزِيزٍ ﴿٩١﴾

قَالَ يَقُولُونَ أَرْهَطِي أَعَزَّ عَلَيَّكَ مِنَ اللَّهِ
وَأَتَّخَذْتُ مَوْمَهُ وِرَاءَ كُمُ ظَهْرِي إِنِّي لَنَرِي
بِمَا تَعْمَلُونَ مُجِيطٌ ﴿٩٢﴾

jadikan perintahNya sebagai sesuatu yang dibuang dan dilupakan di belakang kamu? Sesungguhnya Tuhanku Amat Meliputi pengetahuanNya terhadap apa yang kamu lakukan”.

93. «Dan wahai kaumku, lakukanlah mengikut kemampuanmu (untuk menentang agama Allah yang aku sampaikan itu), sesungguhnya aku juga tetap berusaha dengan bersungguh-sungguh (untuk mengembangkannya). Kamu akan ketahui siapakah yang akan didatangi azab yang menjadikannya hina dan siapa pula yang berdusta. Tunggulah, sesungguhnya aku juga turut menunggu bersama-sama kamu».
94. Dan apabila datang (perlaksanaan) perintah Kami, Kami selamatkan Syuaib serta umatnya yang beriman dengan rahmat daripada Kami dan orang yang zalim itu dibinasakan oleh pekikan suara yang menggempakan bumi, lalu mereka mati bergelimpangan di tempat masing-masing.
95. (Mereka binasa) seolah-olah mereka tidak pernah tinggal di situ. Ingatlah! Sesungguhnya kebinasaanlah bagi penduduk Madyan⁽¹⁾ sebagaimana binasanya kaum Thamud⁽²⁾.

وَيَقْوِمٌ أَعْمَلُوا عَلَىٰ مَكَاتِبِكُمْ إِنِّي
عَلِمٌ سَوِّفَ تَعْلَمُونَ مِنِّي يَأْتِيهِ عَذَابٌ
يُخْزِيهِ وَمَنْ هُوَ كَذِبٌ وَأَرْتَقِبُوا إِنِّي
مَعَكُمْ رَقِيبٌ ﴿٩٣﴾

وَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا لِنَجِّنَا لَشُعَيْبًا وَالَّذِينَ
ءَامَنُوا مَعَهُ وَرِحْمَةَ نِسَاءٍ وَأَخَذَتِ
الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةَ فَأَصْبَحُوا فِي
دَيْرِهِمْ جِثْمِينَ ﴿٩٤﴾

كَانَ لَبَّيْعُوا فِيهَا إِلَّا بَعْدَ الْمَدِينِ كَمَا
عِدَّتْ تَمُودُ ﴿٩٥﴾

1 Kaum nabi Syu'aib a.s.

2 Kaum nabi Soleh a.s.

96. Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Musa dengan membawa ayat-ayat Kami dan bukti (mukjizat) yang nyata.
97. Kepada Firaun dan kaumnya lalu kaum Firaun mengikut perintah Firaun, sedangkan perintahnya itu bukanlah perintah yang benar.
98. Firaun akan mengetuai kaumnya pada hari kiamat lalu dia menjerumuskan mereka masuk ke neraka. Seburuk-buruk tempat yang dimasuki ialah neraka.
99. Dan mereka diiringi oleh laknat yang berterusan di dunia ini dan pada hari kiamat. Laknat itu adalah seburuk-buruk pemberian yang diberikan.
100. Yang demikian ialah sebahagian daripada berita-berita penduduk negeri (yang telah dibinasakan), Kami ceritakan perihalnya kepadamu (wahai Muhammad). Di antaranya ada yang masih wujud (kesannya) dan ada pula yang telah lenyap.
101. Kami tidak menzalimi mereka tetapi merekalah yang menzalimi diri sendiri. Maka berhala-berhala yang mereka sembah selain daripada Allah itu tidak dapat menolong mereka sedikit pun pada masa datangnya azab Tuhanmu dan penyembahan yang mereka lakukan itu hanya menambahkan kerugian kepada mereka.

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِآيَاتِنَا وَسُلْطٰنٍ مُّبِينٍ ﴿٩٦﴾

إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِۦ فَاتَّبَعُوهُ أَمْرٌ فِرْعَوْنَ
وَمَا أَمْرٌ فِرْعَوْنَ بِرَشِيدٍ ﴿٩٧﴾

يَقْدُمُ قَوْمَهُ يَوْمَ الْقِيٰمَةِ فَأَوْرَدَهُمُ النَّارَ
وَبِئْسَ الْوَرْدَ الْمَوْرُودُ ﴿٩٨﴾

وَأَتَّبَعُوا فِي هٰذِهِ لَعْنَةً وَيَوْمَ الْقِيٰمَةِ
بِئْسَ الرَّفْدُ الْمَرْفُودُ ﴿٩٩﴾

ذٰلِكَ مِنْ اَنْبَاءِ الْقُرَىٰ نَقُصُّهُ عَلَيْكَ
مِنْهَا قَائِمٌ مَّوْحِشٍ ﴿١٠٠﴾

وَمَا ظَلَمْتَهُمْ وَلَا كُنْ ظٰلِمًا اَنْفُسَهُمْ
فَمَا اَعْنَتَ عَنْهُمْ اِلٰهَتُهُمْ اَلَّتِي يَدْعُوْنَ مِنْ
دُوْنِ اللّٰهِ مِنْ شَيْءٍ لَّمَّا جَاءَ اَمْرٌ رَبِّكَ وَمَا
زَادُوْهُمْ غَيْرَ تَتٰبٍ ﴿١٠١﴾

- 102.** Demikianlah azab Tuhanmu apabila ia menimpa (penduduk) negeri yang melakukan kezaliman. Sesungguhnya azabNya itu amat pedih lagi dahsyat.
- 103.** Sesungguhnya pada kejadian yang demikian terdapat tanda (yang mendatangkan iktibar) bagi orang yang takut kepada azab akhirat, iaitu hari yang dihimpunkan manusia padanya. Dan hari yang demikian ialah hari yang dihadiri oleh seluruh makhluk.
- 104.** Kami tidak melengahkan hari kiamat itu kecuali untuk suatu tempoh yang tertentu.
- 105.** Bila tibanya hari itu, tidak seorang pun dapat berkata-kata melainkan dengan izin Allah. Maka di antara mereka ada yang celaka dan ada pula yang bahagia.
- 106.** Ada pun orang yang celaka, maka di dalam nerakalah tempatnya. Bagi mereka di situ, hanyalah kedengaran suara terpekik melolong dan merintih.
- 107.** Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi⁽¹⁾ kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Kuasa melakukan apa yang dikehendakiNya.

وَكَذَلِكَ أَخْذُ رَبِّكَ إِذَا أَخَذَ الْقُرَىٰ وَهِيَ ظَالِمَةٌ إِنَّ أَخْذَهُ أَلِيمٌ شَدِيدٌ ﴿١٠٢﴾

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّمَن خَافَ عَذَابَ الْآخِرَةِ ۚ ذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّجْمُوعٌ لَّهُ النَّاسُ وَذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّشْهُودٌ ﴿١٠٣﴾

وَمَا نُؤَخِّرُهُ إِلَّا لِأَجَلٍ مُّعَدَّدٍ ﴿١٠٤﴾

يَوْمَ يَأْتُ لَأْتِكُمْ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ فَمَنْهُمْ شَقِيٌّ وَسَعِيدٌ ﴿١٠٥﴾

فَأَمَّا الَّذِينَ شَقُوا فَيُنَادُونَ فِي النَّارِ لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَشَهِيقٌ ﴿١٠٦﴾

خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ إِنَّ رَبَّكَ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٠٧﴾

1 Ini adalah kata kiasan yang bermaksud menjelaskan kekalnya mereka dalam neraka selama-lamanya. Alam akhirat juga mempunyai langit dan bumi yang tersendiri.

108. Ada pun orang yang berbahagia, maka di dalam syurgalah tempatnya. Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu sebagai pemberian nikmat yang berterusan.

109. Maka janganlah engkau menyimpan perasaan ragu-ragu⁽¹⁾ terhadap sia-sianya sembah mereka yang musyrik itu. Mereka tidak menyembah kecuali sama seperti apa yang disembah oleh nenek moyang mereka yang terdahulu. Sesungguhnya Kami akan menyempurnakan bagi mereka bahagian mereka dengan tidak dikurangi sedikit pun.

110. Sesungguhnya Kami telah memberikan kepada Musa kitab Taurat, lalu berlaku perselisihan⁽²⁾ mengenainya. Jika bukan kerana telah ada ketetapan daripada Tuhanmu, pasti telah diturunkan azab dengan serta-merta kepada mereka. Sesungguhnya mereka masih menyimpan rasa syak dan ragu-ragu tentang (kebenaran al-Quran) itu.

﴿ وَأَمَّا الَّذِينَ سَعِدُوا فَمِنَ الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ عَطَاءٌ غَيْرُ مَجْذُودٍ ﴿١٠٨﴾

﴿ فَلَاتَكُ فِي مِرْيَةٍ مِّمَّا يَعْبُدُ هَؤُلَاءِ مَا يَعْبُدُونَ إِلَّا الْكَمَا يَعْبُدُ آبَاؤُهُمْ مِنْ قَبْلُ وَإِنَّا لَمُوفُونَ هُمْ نَصَبُهُمْ عَلَيْهِمْ غَيْرِ مَنْقُوصٍ ﴿١٠٩﴾

﴿ وَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ فَآخْتَلَفَ فِيهِ وَأُولَئِكَ سَبَقَتْ مِنْ رَبِّكَ لَقَضَىٰ بَيْنَهُمْ وَإِنَّهُمْ لَفِي شَكٍّ مِنْهُ مُرِيبٍ ﴿١١٠﴾

1 Jangan ragu-ragu bahawa menyembah berhala itu adalah perbuatan yang sesat dan buruk akibatnya.

2 Ayat ini merupakan suatu penghibur kepada nabi Muhammad s.a.w sewaktu Baginda menghadapi tentangan terhadap al-Quran oleh orang kafir Mekah. Allah menceritakan bahawa Taurat yang dibawa nabi Musa a.s dahulu pun mendapat tentangan daripada orang Yahudi.

- 111.** Dan sesungguhnya setiap seorang akan disempurnakan oleh Tuhanmu balasan amalan mereka. Sesungguhnya Allah Amat Mendalam pengetahuanNya tentang apa yang mereka lakukan.
- 112.** Maka, hendaklah engkau (wahai Muhammad) sentiasa teguh di atas jalan yang lurus sebagaimana yang diperintahkan kepadamu dan hendaklah orang yang kembali kepada kebenaran mengikutmu dengan melakukan demikian. Janganlah kamu melampaui batas, sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kamu lakukan.
- 113.** Dan janganlah kamu cenderung⁽¹⁾ kepada orang yang melakukan kezaliman yang akan menyebabkan kamu dibakar api neraka ketika kamu tidak ada seorang pelindung pun selain Allah. Kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan.
- 114.** Dan dirikanlah solat pada dua bahagian siang (pagi dan petang) dan pada waktu permulaan malam (iaitu maghrib dan 'isya'). Sesungguhnya amal kebaikan itu menghapuskan kejahatan. Perintah-perintah Allah yang

وَأَنَّ كُلَّ لَمَّا لِيُؤْتِيَهُمْ رَبُّكَ أَعْمَالَهُمْ إِنَّهُ
يَمَّا يَعْمَلُونَ خَيْرٌ ﴿١١١﴾

فَأَسْتَقِرَّ كَمَا أَمَرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا
تَطْعُونَهُ إِنَّهُ يَمَّا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٢﴾

وَلَا تَرْكَبُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمُ
النَّارُ وَمَا لَكُم مِّنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ
أَوْلِيَاءَ تُفْعَلُونَ ﴿١١٣﴾

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفِي النَّهَارِ وَرُفُلَيْمَانَ
أَيْلٍ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُدْهِبُنَ السَّيِّئَاتِ
ذَلِكَ ذِكْرِي لِلذَّكِرِينَ ﴿١١٤﴾

1 Cenderung kepada orang zalim, maksudnya; bergaul dengan mereka serta meredai perbuatannya. Akan tetapi, jika bergaul dengan mereka tanpa meredai perbuatannya, dengan maksud agar mereka kembali kepada kebenaran atau memelihara diri, maka dibolehkan.

demikian adalah menjadi peringatan bagi orang yang mahu mengambil peringatan.

- 115.** Dan bersabarlah kerana sesungguhnya Allah tidak akan mensia-siakan pahala orang yang melakukan kebaikan.
- 116.** Maka mengapa tidak ada daripada umat-umat sebelum kamu itu yang teguh beragama yang melarang kaumnya daripada melakukan kerosakan di muka bumi. (Tetapi sayang)! Tidak ada yang melarang kecuali sedikit sahaja iaitu orang yang Kami telah selamatkan di antara mereka. Manakala orang yang tidak melarang itu hanya mementingkan kemewahan yang diberikan kepada mereka dan jadilah mereka orang yang berdosa.
- 117.** Tuhanmu tidak sama sekali mahu membinasakan mana-mana negeri disebabkan kezaliman penduduknya, selagi mereka sentiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri.
- 118.** Jika Tuhanmu kehendaki, pasti Dia menjadikan manusia umat yang satu. (Tetapi Dia tidak melakukan demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan.
- 119.** Kecuali orang yang telah dirahmati oleh Tuhanmu. Dan untuk itulah Allah menjadikan manusia dan dengan yang

وَأَصْبِرْ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ﴿١١٥﴾

فَلَوْلَا كَانَ مِنَ الْقُرُونِ مِن قَبْلِكُمْ أُولُو بَقِيَّةٍ يَنْهَوْنَ عَنِ الْفَسَادِ فِي الْأَرْضِ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّنْ آمَنَّا مِنْهُمْ وَاتَّبَعَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مَا أُتْرِفُوا فِيهِ وَكَانُوا مُجْرِمِينَ ﴿١١٦﴾

وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا مُصْلِحُونَ ﴿١١٧﴾

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾

إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١١٩﴾

demikian sempurnalah janji Tuhanmu: «*Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka Jahannam dengan semua jin dan manusia (yang berdosa)*».

- 120.** Setiap berita daripada berita para rasul itu, Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) untuk menguatkan hatimu dengannya. Telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang yang beriman.
- 121.** Dan katakanlah kepada orang yang tidak beriman: «*Lakukanlah apa sahaja yang kamu sanggup lakukan. Sesungguhnya kami juga tetap melakukan (perintah Tuhan kami)*».
- 122.** «*Dan tunggulah! Sesungguhnya kami juga menunggu*».
- 123.** Allah jualah yang mengetahui rahsia langit dan bumi, dan kepadaNya dikembalikan segala urusan. Maka, sembahlah Dia serta berserahlah kepadaNya. (Ingatlah) Tuhanmu tidak sama sekali lalai terhadap apa yang kamu lakukan.

وَكَلَّا نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ
بِهِ فُؤَادَكَ وَجَاءَكَ فِي هَذِهِ الْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ
وَذِكْرَى لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾

وَقُلْ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ أَعْمَلُوا عَلَىٰ مَكَاتِبِكُمْ
إِنَّا عَامِلُونَ ﴿١٢١﴾

وَأَنْتُمْظِرُوا إِنَّا مُنْتَظِرُونَ ﴿١٢٢﴾

وَاللَّهُ غَيْبُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ
الْأَمْرُ كُلُّهُ وَقَاعْبُدْهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ وَمَا رَبُّكَ
بِعَفِيفٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٢٣﴾

